

17 APR 2004

Mahathir-IEM/I

DR MAHATHIR TERIMA ANUGERAH TERTINGGI IEM

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad malam ini dianugerahi Anugerah Fellow Kehormat Terunggul IEM, iaitu anugerah tertinggi yang pernah disampaikan oleh Institut Jurutera Malaysia (IEM).

Presiden IEM Abang Abdullah Abang Ali menyampaikan anugerah itu pada majlis makan malam dan penyampaian anugerah IEM ke-45 di Palace of Golden Horses dekat sini.

Isteri Dr Mahathir Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan bekas presiden IEM Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin turut hadir.

Terdahulu semasa berucap, Abang Abdullah berkata anugerah itu merupakan pengiktirafan kepada Dr Mahathir terhadap sumbangannya kepada profesion kejuruteraan dan negara.

Dr Ahmad Zaidee semasa membacakan kata-kata pujian menggambarkan Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin yang berjaya dalam membangun dan menyampaikan mesej yang jelas serta meyakinkan kepada perubahan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi.

Beliau berkata meskipun bukanlah kerap bagi IEM untuk memberikan penghormatan kepada pengamal perubatan tetapi Dr Mahathir dianggap sebagai salah seorang daripada mereka memandangkan beliau "mengemudikan asas sains dan teknologi negara menerusi keputusan strategik, nasihat dan wawasan luar biasa ke dalam potensi yang meluas dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi untuk kemajuan negara."

IEM pada 1984 telah menganugerahkan Dr Mahathir dengan Anugerah Fellow Kehormat.

IEM ditubuhkan pada 1959 dan pada masa ini mempunyai lebih 18,000 anggota.

-- BERNAMA

SNS JM ROS